

# Keperluan Mewujudkan Semula Akta Perkhidmatan Parlimen di Malaysia

*The Need to Re-enact the Parliamentary Service Act in Malaysia*

*Ikmal Hisham Md Tah<sup>\*</sup>, Muthanna Saari<sup>\*\*</sup>, Faridah Jalil<sup>\*\*\*</sup>, Idzuafi Hadi Kamilan<sup>\*\*\*\*</sup> and Akmal Hisham Abdul Rahim<sup>\*\*\*\*\*</sup>*

## Abstrak

Parlimen merupakan institusi yang sangat penting dalam pembinaan sesebuah negara. Parlimen berperanan untuk menjalankan fungsi sebuah institusi yang komited kepada pengawasan terhadap kuasa eksekutif pihak kerajaan dan menjadi saluran untuk menyampaikan pandangan serta aduan daripada masyarakat menerusi wakil-wakil yang dipilih ke Dewan Rakyat. Dewan Negara pula berperanan sebagai pengawas kepada keputusan Dewan Rakyat. Oleh itu, institusi Parlimen memerlukan sistem pentadbiran Parlimen yang bebas dan cekap supaya dapat memberikan perkhidmatan kepada ahli-ahli Yang Berhormat tanpa mengira latar belakang kepartian. Selepas Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 dimansuhkan pada tahun 1993, tiada undang-undang khusus mengenai perkhidmatan Parlimen. Hal ini menyebabkan kakitangan Parlimen tertakluk di bawah Skim Perkhidmatan Am Persekutuan. Namun perubahan masa dan keadaan menyebabkan terdapatnya keperluan untuk mewujudkan semula undang-undang Perkhidmatan Parlimen. Makalah ini akan menerangkan tentang keperluan untuk mewujudkan semula undang-undang Perkhidmatan Parlimen bagi memastikan institusi Parlimen dapat diperkasakan dan bersifat bebas supaya memberi manfaat kepada kualiti perwakilan Parlimen di Malaysia. Beberapa buah negara

---

\* Dr Ikmal Hisham Md Tah is senior lecturer at the Faculty of Law, Universiti Teknologi MARA (UiTM). Email: [ikmal@uitm.edu.my](mailto:ikmal@uitm.edu.my)

\*\* Muthanna Saari is Research Officer at the Parliament of Malaysia.

\*\*\* Datin Dr Faridah Jalil is a former Professor of Law at the Faculty of Law, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

\*\*\*\* Idzuafi Hadi Kamilan is Executive Director at Institut Reformasi Politik dan Demokrasi (REFORM).

\*\*\*\*\* Akmal Hisham Abdul Rahim is lecturer at the Faculty of Administrative Science & Policy Studies, Universiti Teknologi MARA (UiTM).

seperti United Kingdom, Australia, New Zealand dan Kanada dijadikan sandaran mengenai keperluan mewujudkan semula akta berkaitan Perkhidmatan Parlimen. Makalah ini akhirnya mencadangkan bahawa akta ini perlu diwujudkan semula bagi memastikan fungsi semak danimbang dapat dilaksanakan dengan lebih baik dan saksama.

**Kata kunci:** Autonomi, Kebebasan Parlimen, Kuasa Pengawasan, Pengasingan Kuasa, Perkhidmatan Parlimen

## **Abstract**

*Parliament represents an ever-important institution in the nation-building of a country. Parliament is committed to its oversight function towards the executive action of the government and represents the voice of the people through its elected representatives to the Dewan Rakyat (House of Representatives) of Malaysia. The Dewan Negara (House of Senate) plays its check and balance role in the decisions taken in the Dewan Rakyat. Therefore, Parliament as an institution needs a parliamentary service system that is independent and efficient to provide impartial support to members of the House. Since the Parliamentary Service Act 1963 was abolished in 1993, there has been no specific legislation on parliamentary services in place in Malaysia. This has resulted in parliamentary staff being bound under the Federal Public Service. However, in the current context of modern parliament, there is a pressing need for legislation on parliamentary service to be introduced to ensure the empowerment and independence of parliamentary institutions in uplifting the quality of parliamentary representation in Malaysia. The practice in several countries, such as the United Kingdom, Australia, New Zealand and Canada, is compared to evaluate the need to reintroduce the parliamentary service act. This article finally sets out to recommend the reintroduction of the act to ensure parliament's check and balance function can be discharged accordingly.*

**Keywords:** *Autonomy, Parliamentary Independence, Oversight, Separation of Powers, Parliamentary Service*

## **Pengenalan**

Badan perundangan merupakan satu cabang kerajaan, selain badan Eksekutif dan badan Kehakiman dalam prinsip pengasingan kuasa, yang memainkan peranan penting dalam usaha menggubal undang-undang negara selaras dengan Perlembagaan Persekutuan. Parlimen

sebagai institusi perundangan tertinggi dalam negara juga berperanan untuk mengawal dan memeriksa badan Eksekutif dan dengan syarat tertentu memeriksa badan Kehakiman. Kepentingan fungsi kawalan Parlimen juga adalah bagi mengehendkan kuasa eksekutif di samping mempertahankan hak asasi manusia bagi rakyat selaku pemegang taruh utama berdasarkan teori A.V. Dicey.<sup>1</sup> Kebebasan Parlimen untuk menjalankan tanggungjawab dengan baik boleh dinilai berdasarkan keupayaannya mengawal sumbernya.<sup>2</sup> Bagi mencapai kebebasan institusi Parlimen, pelbagai mekanisme perundangan sama ada melalui perlembagaan bertulis, undang-undang atau amalan dan tatacara di dalam Parlimen dilaksanakan bagi mengurus hal ehwal pentadbiran dan kewangan Parlimen.

Kebanyakan negara mengiktiraf prinsip autonomi Parlimen secara rasmi dalam peruntukan perlembagaan negara masing-masing. Walaupun pengasingan kuasa tidak dinyatakan secara jelas dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia, namun prinsip ini telah benar-benar menjadi sebahagian daripada Perlembagaan Persekutuan.<sup>3</sup> Manakala undang-undang yang berkaitan perkhidmatan Parlimen merupakan satu instrumen perundangan yang digunakan secara meluas untuk mengkanunkan ciri-ciri utama, prinsip, mandat, komposisi, kakitangan, belanjawan dan tadbir urus institusi Parlimen. Antara contoh undang-undang perkhidmatan Parlimen adalah seperti Parliamentary Service Act 2000, New Zealand, House of Commons (Administration) Act 1978, United Kingdom, Parliamentary Service Act 1999, Australia dan Parliament of Canada Act 1985, Kanada.

Malaysia pernah mempunyai undang-undang Perkhidmatan Parlimen sebelum 1993 yang dikenali sebagai Akta Perkhidmatan Parlimen 1963. Rang Undang-Undang Perkhidmatan Parlimen telah dibentangkan oleh YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj pada 11 Mac 1963 bertujuan untuk menyediakan syarat-syarat kelayakan dan perkhidmatan bagi staf perkhidmatan Parlimen. Rang undang-undang tersebut telah

---

1 G. Brennan, 'The Parliament, the Executive and the Courts: Roles and Immunities' (1997) 9(2) *Bond Law Review* 136, 137-8.

2 CPA, *The Financing and Administration of Parliament - Report of a CPA study group hosted by the Legislature of Zanzibar, Tanzania, from 25 to 29 May 2005* (London, CPA, 2005) <<https://www.cpahq.org/media/awydqld2/administration-and-financing-of-parliament-study-group-report-1.pdf>> dicapai 25 Ogos 2021.

3 *Gobind Singh Deo v Yang Dipertua, Dewan Rakyat & Ors* [2010] 9 CLJ 449.

diluluskan di Dewan Rakyat pada 12 Mac 1963<sup>4</sup> tanpa perbahasan dan di Dewan Negara pada 15 Mac 1963.<sup>5</sup> Walau bagaimanapun, akta ini hanya digunakan selama 30 tahun sebelum dimansuhkan bersekali dengan pindaan Perlembagaan Persekutuan pada 21 Oktober 1992.<sup>6</sup> Sepanjang berkuat kuasa, akta ini telah dipinda pada tahun 1972<sup>7</sup> agar selaras dengan Perkara 56, 57, 58 dan 65 Perlembagaan Persekutuan untuk memberi keutamaan kepada Dewan Negara selain telah disemak pada tahun 1989 (Akta 394). Usaha mengembalikan undang-undang perkhidmatan Parlimen telah dipergiat sejak dimansuhkan dan terdapat sekurang-kurangnya tiga usaha besar bagi mengembalikan undang-undang perkhidmatan Parlimen dengan draf rang undang-undang turut dicadangkan.

Makalah ini meneliti aspek penting undang-undang perkhidmatan Parlimen dalam amalan sistem Westminster dan seterusnya menghuraikan kepentingan Malaysia mewujudkan semula Akta Perkhidmatan Parlimen selaras dengan kewujudan perundangan yang setara di negara-negara Komanwel seperti United Kingdom, Australia, New Zealand dan Kanada. Kepentingan undang-undang perkhidmatan Parlimen diteliti terhadap prinsip kebebasan dan autonomi Parlimen dalam ruang lingkup prinsip pemisahan kuasa dalam sistem sesebuah kerajaan.

## Metodologi

Kajian ini menggunakan metodologi kajian perbandingan berdasarkan analisis dokumen berkenaan Perkhidmatan Parlimen di Malaysia dan negara-negara Komanwel terlibat seperti United Kingdom, Australia, New Zealand dan Kanada. Dokumen-dokumen yang dianalisis merangkumi akta berkaitan yang relevan mengenai Perkhidmatan Parlimen, Hansard Parlimen, buku-buku, artikel jurnal, laman web Parlimen berkaitan, keratan akhbar serta laporan-laporan berkaitan kebebasan dan autonomi institusi Parlimen. Selain itu, perbincangan

---

4 DR Deb 12 Mac 1963, Vol. IV No. 38 <<https://www.parlimen.gov.my/files/hindex/pdf/DR-12031963.pdf>>

5 DN Deb 15 Mac 1963, Vol. IV No. 7 <<https://www.parlimen.gov.my/files/hindex/pdf/DN-15031963.pdf>> 542-9.

6 DR Deb 21 Okt 1992, Jilid II Bil. 29 <<https://www.parlimen.gov.my/files/hindex/pdf/DR-21101992.pdf>> 6422-534.

7 DR Deb 10 Feb 1972, Jilid I Bil. 66 <<https://www.parlimen.gov.my/files/hindex/pdf/DR-10021972.pdf>> 7561-7.

bersama-sama bekas Setiausaha Parlimen di Australia<sup>8</sup> dan United Kingdom<sup>9</sup>, telah diadakan untuk menjelaskan dengan lebih lanjut amalan-amalan berkaitan Perkhidmatan Parlimen di negara-negara berkenaan.

## Kebebasan dan autonomi Parlimen

Konsep pemisahan kuasa dalam sistem sesebuah kerajaan menekankan kepentingan kebebasan dan autonomi parlimen untuk menjalankan fungsinya. Peranan parlimen dalam usaha membincangkan perkara-perkara yang berkepentingan dengan orang ramai, meluluskan belanjawan serta menyemak urusan kerajaan memerlukan institusi ini bersifat bebas supaya tanggungjawabnya dapat dilakukan dengan efektif. Prinsip dalam Commonwealth Latimer House menyatakan kebebasan ahli parlimen turut meliputi keupayaannya menjalankan tanggungjawab perundangan selaras dengan peruntukan Perlembagaan serta bebas daripada gangguan yang tidak diingini.<sup>10</sup>

Laporan *CPA Recommended Benchmarks for Democratic Legislatures* merupakan suatu penanda aras penting dalam kalangan negara Komanwel untuk memperincikan aspek kebebasan ahli parlimen menjalankan peranannya dengan berkesan. Antara prinsip utama yang digariskan termasuk:<sup>11</sup>

- Imbuan yang adil dan penggantian perbelanjaan Parlimen harus diperuntukkan secara tidak berpihak,
- Penubuhan badan atau mekanisme bebas harus diwujudkan bagi menentukan imbuan dan faedah daripada ahli Parlimen,
- Badan perundangan harus mengawal perkhidmatan Parlimen berbanding eksekutif dalam usaha menentukan terma perkhidmatan,

---

8 Perbincangan bersama David Elder, bekas 'Clerk of the House of Representative Australia' pada 29 Mei 2021 dan 5 Jun 2021.

9 Perbincangan bersama Sir David Lionel Natzler, bekas 'Clerk of the House of Commons United Kingdom' pada 3 Ogos 2021.

10 CPA, *Commonwealth Latimer House Principles on the Three Branches of Government* (London, CPA, 2009) <<https://www.cpahq.org/media/dhfajkpg/commonwealth-latimer-principles-web-version.pdf>> dicapai 25 Ogos 2021.

11 CPA, *Recommended Benchmarks for Democratic Legislatures* (London, CPA, 2006) <<https://www.cpahq.org/media/10jjk2nh/recommended-benchmarks-for-democratic-legislatures-updated-2018-final-online-version-single.pdf>> dicapai 25 Ogos 2021.

- Peruntukan tertentu yang mencukupi bertujuan melindungi dan memastikan tiada gangguan daripada badan Eksekutif,
- Ketua Perkhidmatan Parlimen harus dilindungi di bawah Perlembagaan atau perundangan daripada sebarang tekanan politik,
- Imbuhan Ketua Perkhidmatan Parlimen harus ditentukan melalui mekanisme/badan bebas,
- Badan korporat, melalui perundangan atau ketetapan badan perundangan harus ditubuhkan bagi menyediakan perkhidmatan dan kewangan untuk tujuan Parlimen dan menyediakan tataurus yang baik bagi perkhidmatan Parlimen.

Pentadbiran Parlimen sebagai teras institusi Parlimen bertanggungjawab menyokong urusan seharian Parlimen termasuk perkara-perkara berhubung pengambilan kakitangan, pengurusan, penyelenggaraan, belanjawan, aspek teknikal Parlimen dan sebagainya.<sup>12</sup> Laporan *CPA The Financing and Administration of Parliament* turut mencadangkan beberapa tindakan yang harus diambil bagi melindungi integriti dan kebebasan Parlimen, tataurus Parlimen, kebebasan kewangan, perkhidmatan Parlimen dan kebertanggungjawaban awam.<sup>13</sup> Bagi memastikan pentadbiran Parlimen mampu menjalankan fungsinya dengan berkesan, institusi Parlimen perlu disokong dengan sumber yang baik. Secara asasnya, Parlimen yang mempunyai sumber yang mencukupi harus mempunyai kakitangan yang mahir dan berkebolehan untuk memberi sokongan yang tidak berpihak, perkhidmatan maklumat dan perpustakaan yang komprehensif, kemudahan pejabat bagi setiap ahli Parlimen dan kemudahan yang disediakan untuk parti utama pembangkang atau parti pembangkang.<sup>14</sup>

Walau bagaimanapun, sumber yang mencukupi untuk menyediakan perkhidmatan dan kemudahan berkaitan sahaja adalah tidak memadai. Parlimen harus mempunyai autonomi tanpa campur tangan badan Eksekutif dan satu pendekatan terhadap jaminan autonomi Parlimen adalah melalui peruntukan Perlembagaan. Banyak negara melalui Perlembagaan masing-masing mengiktiraf prinsip autonomi Parlimen

---

12 IPU, *Comparative research paper on Parliamentary administration* (Geneva, IPU, 2020) 1.

13 CPA (n 2).

14 D. Beetham, *Parliament and democracy in the twenty-first century: A guide to good practice* (Geneva, IPU, 2006).

dalam satu atau beberapa peruntukan Perlembagaan. Penilaian terhadap darjah kebebasan sesebuah Parlimen diambil kira terhadap aspek pentadbiran yang melibatkan pengambilan sumber manusia serta aspek kewangan yang melibatkan pengurusan kewangan Parlimen. Kedua-dua aspek ini memainkan peranan penting untuk menentukan darjah kebebasan Parlimen kerana aspek ini akan menentukan sejauh mana Parlimen mampu menyediakan kemudahan dan sokongan untuk Parlimen melaksanakan fungsinya secara bebas dan tidak berpihak.

### ***Autonomi pentadbiran***

Kebebasan dan autonomi Parlimen bermaksud Parlimen tidak boleh diganggu gugat oleh badan Eksekutif mahupun Kehakiman dan dalam konteks Perlembagaan Persekutuan, Parlimen mempunyai kuasa untuk menentukan peraturan dan tatacaranya sendiri.<sup>15</sup> Autonomi pentadbiran mewakili hak penentuan secara sendiri yang melibatkan cara perkhidmatan Parlimen boleh disediakan.<sup>16</sup> Kebanyakan autonomi yang dimiliki institusi Parlimen berdasarkan aspek ketidakbergantungan dan kebebasan Parlimen untuk tidak menuruti kehendak badan Eksekutif selain keupayaan Parlimen untuk membebaskan dirinya daripada sebahagian peraturan undang-undang biasa dan membuat peraturannya sendiri.<sup>17</sup>

Perlembagaan sesebuah negara ialah dokumen penting yang menandakan prinsip autonomi Parlimen diiktiraf secara rasmi. Satu gambaran pengiktirafan terdapat dalam prinsip pengasingan kuasa iaitu prinsip asas yang menggalakkan autonomi. Walau bagaimanapun, bagi negara dengan perlembagaan tidak bertulis, autonomi Parlimen dicerna melalui konvensyen. Prinsip autonomi yang pelbagai ini juga merupakan manifestasi hubungan kuat autonomi Parlimen dengan prinsip pemisahan kuasa atau kitaran sejarah yang melahirkan prerogatif di pihak Parlimen melalui autonomi pentadbiran dan kewangan. Autonomi Parlimen ini mempunyai tujuan bagi membolehkan Parlimen menjalankan tugasnya secara bebas sepertimana yang telah diperuntukkan oleh Perlembagaan atau konvensyen.

---

15 Perlembagaan Persekutuan, per 62.

16 CPA (n 2).

17 M. Couderc, 'The administrative and financial autonomy of parliamentary assemblies' (1998) *Association of Secretaries General of Parliaments* 177 <<https://www.asgp.co/node/29411>> dicapai 28 Jun 2021.

Perkara ini diistilahkan sebagai '*functional autonomy*' yang boleh dimanifestasi melalui kebolehan setiap Dewan "menentukan bentuk organisasi dan tatacara, memilih kakitangannya dan merujuk jawatankuasanya yang boleh dipanggil oleh Speaker, dan perkara paling penting adalah dengan menentukan tataranya sendiri".<sup>18</sup> Autonomi pentadbiran di dalam Parlimen merupakan ciri-ciri yang dikongsi bersama oleh semua badan perundangan negara-negara lain. Pemisahan kuasa pentadbiran dcedok daripada ciri kebanyakan Parlimen sebagai "*flexible separation*" atau "*separation-cooperation*" yang bermaksud autonomi Parlimen wujud dalam struktur organisasi institusi di dalam negara dengan Parlimen harus memilikinya.

### **Autonomi kewangan**

Kepentingan institusi Parlimen mempunyai kebebasan dalam aspek kewangan dinyatakan sebagai

*... when Parliament does not have financial independence there is always the danger that the executive will be encouraged to exercise undue control over expenditure to the detriment of the parliamentary process... An all-party committee of Members of Parliament should review and administer Parliament's budget which should not be subject to amendment by the executive.*<sup>19</sup>

Kebebasan kewangan institusi Parlimen akan membolehkan Parlimen menggaji kakitangan terbaik untuk bekerja di Parlimen, memastikan mekanisme dan proses semak dan imbang kepada Kerajaan sama ada dari aspek kemudahan dan sumber manusia dapat disediakan dengan sempurna tanpa halangan kewangan dan sebagainya.

Hakikatnya, selari dengan peredaran masa, kebanyakan negara sudah bergerak menguruskan pentadbiran dan kewangan Parlimen dengan cara yang baharu. Kebanyakan institusi Parlimen mula bersikap lebih kritikal kepada perkara-perkara penting seperti struktur tataranus dan hubungan dengan badan Eksekutif. Penubuhan Parlimen sebagai badan korporat adalah antara kaedah baharu di banyak negara yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen agar institusi Parlimen dapat mengoptimumkan sumber yang ada dan pada masa yang sama meningkatkan kebebasan daripada badan Eksekutif. Berdasarkan

---

18 ibid.

19 CPA (n 2).



perkembangan semasa, selain daripada kebebasan, elemen seperti keberkesanan dan kebertanggungjawaban Parlimen, kebebasan dana dan kawalan kewangan institusi Parlimen, hubungan antara badan Eksekutif, Speaker, badan korporat, Setiausaha/Pegawai Perakaunan dan kakitangan Parlimen, tahap pembahagian kuasa yang dibenarkan oleh badan korporat kepada perkhidmatan parlimen, pengurusan aset manusia dan kebertanggungjawaban adalah antara isu-isu yang tersenarai berkenaan perkhidmatan Parlimen.

## **Struktur semasa Parlimen Malaysia**

### ***Pentadbiran***

Pentadbiran Parlimen semasa diketuai oleh Ketua Pentadbir Parlimen Malaysia (KPPM) yang merupakan Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred Utama B. KPPM bertanggungjawab terhadap segala urusan dan hal ehwal pentadbiran dan kewangan Parlimen Malaysia. Manakala urusan yang berkaitan perjalanan Majlis Mesyuarat Dewan Negara dan Dewan Rakyat dipertanggungjawabkan kepada Setiausaha Dewan Negara dan Setiausaha Dewan Rakyat. Sekretariat Parlimen Malaysia dianggotai seramai 349 perjawatan yang terdiri daripada lantikan tetap dan lantikan kontrak. Fungsi sekretariat Parlimen Malaysia dilaksanakan oleh 11 bahagian berikut:

#### *i. Pejabat Penasihat Undang-undang*

Pejabat Penasihat Undang-undang dianggotai oleh dua orang Pegawai Undang-undang daripada Skim Perundangan dan Kehakiman. Fungsi utama pejabat ini adalah untuk memberi pandangan tentang undang-undang, perkara berkenaan gubalan, perkara berkaitan pendakwaan dan guaman, serta kajian undang-undang.

#### *ii. Bahagian Komunikasi Korporat*

Bahagian Komunikasi Korporat melapor kepada KPPM dan diketuai oleh Pegawai Perhubungan Korporat. Fungsi utama bahagian ini ialah pengurusan media, pengurusan lawatan ke Parlimen Malaysia, pengurusan fotografi dan visual (video), dan pengurusan Galeri Parlimen Malaysia. Selain itu, bahagian ini turut berperanan terhadap pengurusan khidmat pelanggan dan pusat khidmat sehenti Parlimen Malaysia.

### *iii. Bahagian Pengurusan Dewan Negara dan Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat*

Pengurusan di kedua-dua buah Dewan Negara dan Dewan Rakyat dipertanggungjawabkan kepada Setiausaha Dewan Negara dan Setiausaha Dewan Rakyat. Kedua-dua perjawatan ini dinyatakan dalam Perkara 65 Perlembagaan Persekutuan yang menjelaskan bahawa Yang di-Pertuan Agong melantik Setiausaha Dewan Negara dan Setiausaha Dewan Rakyat daripada kalangan anggota perkhidmatan awam am Persekutuan. Setiausaha Dewan masing-masing dibantu oleh Bahagian Pengurusan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang diketuai oleh seorang Setiausaha. Bahagian Pengurusan Dewan Negara dan Dewan Rakyat masing-masing dibahagikan kepada Seksyen Perundangan dan Prosiding, Seksyen Penyata Rasmi, Seksyen Jurubahasa dan Terjemahan dan Seksyen Bentara. Selain itu, Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat mempunyai tambahan Seksyen Jawatankuasa dan Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC). Fungsi utama Bahagian Pengurusan Dewan Negara dan Dewan Rakyat adalah untuk membantu pengurusan persidangan Dewan masing-masing termasuk segala urusan yang berkaitan Jawatankuasa Pilihan dan Jawatankuasa Pilihan Khas.

### *iv. Bahagian Penyelidikan dan Perpustakaan*

Bahagian Penyelidikan dan Perpustakaan terdiri daripada dua komponen iaitu penyelidikan dan Perpustakaan Parlimen Malaysia. Penyelidikan dibahagikan kepada Seksyen Ekonomi, Seksyen Sosial, Seksyen Sains, Tenaga dan Teknologi, dan Seksyen Antarabangsa dan Keselamatan. Pegawai penyelidik dalam bahagian ini merupakan perjawatan terbuka. Fungsi bahagian ini adalah untuk melaksanakan penyelidikan bagi membantu perbahasan ahli-ahli Parlimen serta menyokong ahli-ahli Parlimen yang menghadiri persidangan di dalam dan luar negara. Perpustakaan Parlimen pula berfungsi untuk mengurus perpustakaan dan mengurus pangkalan data dan koleksi yang berkaitan Parlimen. Perpustakaan Parlimen Malaysia diketuai oleh Pustakawan daripada Skim Perkhidmatan Pustakawan.

### *v. Bahagian Keselamatan*

Bahagian Keselamatan diketuai oleh Setiausaha Bahagian Keselamatan dan dianggotai oleh pegawai keselamatan kerajaan dan penolong pegawai keselamatan. Perjawatan utama dalam bahagian ini dilantik

daripada Skim Keselamatan dan Pertahanan Awam. Fungsi utama bahagian ini adalah untuk menyelaras dan memastikan kawalan keselamatan, menguatkuasakan peraturan dan langkah keselamatan fizikal selaras dengan kehendak Kawasan Larangan Tempat Larangan 1989, mengendali dan memantau sistem keselamatan elektronik dalam usaha menjamin keselamatan Parlimen.

#### *vi. Bahagian Pengurusan*

Bahagian Pengurusan terbahagi kepada Seksyen Pengurusan Sumber Manusia dan Inovasi dan Seksyen Kewangan dan Akaun. Seksyen Pengurusan Sumber Manusia dan Inovasi meliputi unit perkhidmatan dan jawatan, unit latihan dan kompetensi, unit keurusetiaan strategi dan inovasi, unit pengurusan prestasi dan integriti dan unit pentadbiran. Fungsi utama bahagian ini adalah untuk mengurus hal-hal perkhidmatan kakitangan, perjawatan dan penstrukturan organisasi, urusetia kepada kenaikan pangkat, tatatertib dan panel pembangunan sumber manusia dan mengurus pengurusan aset dan inventori. Dalam aspek kewangan, bahagian ini berperanan untuk menyediakan anggaran, mengurus dan mengawal peruntukan dan perbelanjaan Parlimen Malaysia serta mengurus perakaunan Parlimen Malaysia.

#### *vii. Bahagian Senggara Fasiliti & Landskap*

Bahagian Senggara Fasiliti & Landskap diketuai oleh seorang Ketua Jurutera daripada Skim Jurutera. Fungsi bahagian ini dibahagikan kepada Seksyen Kerja Awam dan Struktur yang terdiri daripada unit bangunan dan unit landskap, Seksyen Mekanikal dan Seksyen Elektrik. Bahagian ini bertanggungjawab untuk melaksanakan pemeriksaan dan audit keadaan fizikal bangunan dari aspek struktur bangunan, sistem mekanikal dan sistem elektrik, serta merancang dan melaksanakan kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan ke atas Kompleks Bangunan Parlimen Malaysia dan kediaman-kediaman rasmi Yang di-Pertua Dewan, taska dan unit-unit kuarters milik Parlimen Malaysia.

#### *viii. Bahagian Teknologi Maklumat*

Bahagian Teknologi Maklumat bertanggungjawab untuk menyelaras pembangunan, pelaksanaan, penambahbaikan dan penyelenggaraan sistem aplikasi termasuk sistem persidangan Dewan Negara dan Dewan Rakyat, mengurus dan mentadbir segala aspek berkaitan pangkalan data,

teknologi maklumat, infrastruktur dan rangkaian serta keselamatan teknologi maklumat. Bahagian ini diketuai Pegawai Teknologi Maklumat dan perjawatan utama dalam bahagian ini dilantik daripada Skim Sistem Maklumat dan dibahagikan kepada Seksyen Aplikasi dan Pentadbiran serta Seksyen Teknikal.

#### *ix. Bahagian Hal Ehwal Ahli Parlimen*

Bahagian Hal Ehwal Ahli Parlimen bertanggungjawab menguruskan segala hal ehwal ahli Parlimen yang berkaitan pelantikan dan penamatan perkhidmatan ahli Parlimen, urusan pembayaran atau pemberhentian segala elaun yang dinikmati ahli Parlimen serta menguruskan segala kemudahan dan keistimewaan ahli Parlimen. Bahagian ini dibahagikan kepada Unit Kemudahan dan Perkhidmatan Ahli Parlimen dan Unit Elaun dan Tuntutan.

#### *x. Bahagian Perhubungan Antarabangsa & Protokol*

Bahagian Perhubungan Antarabangsa & Protokol bertanggungjawab sebagaiurus setia dan penyelarasan bagi persidangan yang dianjurkan oleh Parlimen Malaysia untuk pertubuhan khususnya berkenaan parlimen seperti *Inter-Parliamentary Union (IPU)*, *Parliamentary Union of the OIC Member States (PUIC)*, *Commonwealth Parliamentary Association (CPA)*, *ASEAN Inter-Parliamentary Assembly (AIPA)*, *Society of the Clerks-at-the-Table in Commonwealth (SOCATT)* dan banyak lagi. Bahagian ini juga mengendalikan lawatan rasmi ke luar negara untuk Yang di-Pertua, Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Dewan Rakyat, serta ahli-ahli Parlimen. Selain itu, bahagian ini turut bertindak sebagai urus setia kepada Parliamentary Friendship Group dan Kaukus di samping membantu urusan protokol bagi majlis yang dianjurkan oleh Parlimen Malaysia. Bahagian ini terbahagi kepada Seksyen Pertubuhan Antara Parlimen (Hubungan Multilateral) dan Seksyen Pertubuhan Antara Parlimen (Hubungan Bilateral).

### ***Pelantikan kakitangan***

Perjawatan di Parlimen Malaysia adalah daripada Perkhidmatan Awam Persekutuan. Secara umumnya, kaedah pengisian perjawatan daripada perkhidmatan ini adalah melalui pelantikan tetap, pelantikan secara kontrak dan peminjaman/ pertukaran sementara. Kaedah pelantikan ini diringkaskan dalam Jadual 1 berikut:

**Jadual 1.** Pengisian Jawatan dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan

Bil	Perkara	Pelantikan Tetap	Pelantikan Secara Kontrak	Peminjaman/ Pertukaran Sementara
1.	<b>Kaedah Pengambilan</b>	Permohonan secara dalam talian dan calon perlu melalui proses tapisan, peperiksaan, ujian fizikal, ujian psikometrik, pusat penilaian dan temu duga. Pelantikan tetap adalah pada gred lantikan.	Pelantikan secara kontrak boleh dilakukan sekiranya memerlukan pegawai berpengalaman dan mempunyai kepakaran tertentu. Iklan kekosongan dikeluarkan di peringkat jabatan. Calon perlu melalui proses tapisan, peperiksaan, ujian fizikal, ujian psikometrik, pusat penilaian dan temu duga. Pelantikan secara kontrak boleh dilakukan pada gred lantikan atau gred naik pangkat tertakluk kepada kelulusan kelonggaran syarat skim daripada JPA.	Peminjaman/ pertukaran sementara merupakan suatu kaedah melantik pegawai yang sedang berkhidmat untuk dilantik ke sesebuah agensi bagi mendapatkan perkhidmatan pegawai yang berpengalaman, berkemahiran, berwibawa dan bersesuaian dengan keperluan agensi tetapi bukan untuk tujuan naik pangkat.
2.	<b>Pihak Berkuasa Melantik</b>	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA)	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA)	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA)
3.	<b>Ketua Perkhidmatan</b>	Bergantung pada skim perkhidmatan pegawai	Ketua Jabatan	Bergantung pada skim perkhidmatan pegawai
4.	<b>Penempatan Pegawai</b>	Kelulusan Ketua Perkhidmatan	Ketua Jabatan	Ketua Jabatan/ Agensi Peminjam

Sumber: *Parlimen Malaysia*

Lantikan secara kontrak terbahagi kepada perjawatan yang terkandung dalam Waran Perjawatan serta yang di luar Waran Perjawatan yang telah diperuntukkan kepada setiap jabatan. Perbezaan antara kedua-dua lantikan secara kontrak ini terletak pada kod pembayaran gaji yang digunakan dalam terma pembayaran kerajaan. Pelantikan kakitangan bagi mengisi perjawatan di Parlimen Malaysia diuruskan oleh Seksyen Pengurusan Sumber Manusia dan Inovasi di bawah Bahagian Pengurusan. Bagi mengisi kekosongan perjawatan yang disebabkan persaraan atau pertukaran keluar kakitangan, pengisian kekosongan berkenaan bergantung kepada Ketua Perkhidmatan jawatan berkenaan.

Sekiranya Ketua Perkhidmatan bagi jawatan berkenaan ialah KPPM, Parlimen Malaysia perlu memohon kepada SPA sebagai pihak berkuasa melantik untuk menjalankan proses temu duga bagi memilih calon yang berkelayakan. Manakala bagi perjawatan dengan Ketua Perkhidmatan selain KPPM, Parlimen Malaysia perlu memohon kepada Ketua Perkhidmatan bagi jawatan berkenaan untuk melaksanakan pengisian kekosongan jawatan berkenaan. Jadual berikut menunjukkan perjawatan di Parlimen Malaysia berdasarkan skim perkhidmatan dan ketua perkhidmatan yang bertanggungjawab terhadap pengisian perjawatan berkenaan di Parlimen Malaysia.

**Jadual 2.** Perjawatan dan Skim Perkhidmatan di Parlimen Malaysia

Bil	Ketua Perkhidmatan	Skim Perkhidmatan	Perjawatan
1.	Ketua Pentadbir Parlimen Malaysia	Pentadbiran dan Sokongan	Pegawai Tadbir, Jurubahasa Serentak, Pegawai Penyelidik, Pembantu Awam, Pembantu Operasi, Bentara Parlimen, Pemandu Kenderaan, Pengawal Keselamatan
2.	Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam	Skim Tadbir & Diplomatik, Pentadbiran dan Sokongan	KPPM, Pegawai Tadbir Diplomatik, Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi), Setiausaha Pejabat/Pembantu Setiausaha Pejabat
3.	Peguam Negara	Perundangan dan Kehakiman	Penasihat Undang-undang
4.	Ketua Pengarah Penerangan	Sosial	Pegawai Perhubungan Korporat, Pegawai Penerangan

Bil	Ketua Perkhidmatan	Skim Perkhidmatan	Perjawatan
5.	Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan	Keselamatan dan Pertahanan Awam	Pegawai Keselamatan Kerajaan, Bentara Mesyuarat
6.	Ketua Pengarah Kerja Raya	Jurutera	Ketua Jurutera, Jurutera
7.	Ketua Pengarah MAMPU	Sistem Maklumat	Pegawai Teknologi Maklumat
8.	Ketua Akauntan Negara	Kewangan	Akauntan, Penolong Akauntan
9.	Ketua Pengarah Penerangan	Pentadbiran dan Sokongan	Pegawai Penerbitan, Penolong Pegawai Penerbitan
10.	Ketua Pengarah Perpustakaan Negara	Sosial	Pustakawan, Pembantu Pustakawan

*Sumber: Parlimen Malaysia*

## **Kewangan**

Pentadbiran kewangan Parlimen Malaysia diketuai oleh KPPM yang merupakan Pegawai Pengawal bagi semua urusan kewangan di bawah peruntukan Parlimen daripada Bajet Tahunan Persekutuan Malaysia. Peruntukan untuk Parlimen Malaysia diuruskan oleh pihak Parlimen Malaysia dan dipantau oleh Kementerian Kewangan Malaysia tertakluk kepada keseluruhan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia. Proses mendapatkan peruntukan kewangan tahunan bermula dengan pihak Parlimen Malaysia menyediakan Anggaran Perbelanjaan Tahunan bagi tahun berikutnya mengikut Siling Indikatif yang ditentukan oleh Kementerian Kewangan Malaysia. Keperluan peruntukan daripada setiap pejabat Yang di-Pertua Dewan, Timbalan Yang di-Pertua Dewan dan setiap Bahagian dalam Parlimen akan diselaraskan untuk penyediaan draf Anggaran Perbelanjaan Tahunan berkenaan. Proses dalaman ini melibatkan perbincangan antara KPPM, Setiausaha-setiausaha Dewan, wakil pejabat-pejabat Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua serta semua Setiausaha Bahagian.

Anggaran Perbelanjaan Tahunan berkenaan yang disahkan oleh KPPM seterusnya dikemukakan kepada Kementerian Kewangan Malaysia. Anggaran Perbelanjaan Tahunan ini seterusnya akan disemak bersama-sama Pejabat Belanjawan Negara, Kementerian Kewangan Malaysia dengan semua wakil Parlimen Malaysia. Berdasarkan sesi semakan ini, Pejabat Belanjawan Negara, Kementerian Kewangan Malaysia akan membentangkan cadangan anggaran ini kepada Jawatankuasa Bajet

di Kementerian Kewangan Malaysia untuk diluluskan. Peruntukan kewangan tahunan untuk Parlimen Malaysia hanya diketahui selepas selesai perbahasan bajet tahunan di Parlimen. Peruntukan kewangan tahunan untuk Parlimen Malaysia dinyatakan dalam jadual berikut:

**Jadual 3.** Program Kewangan Tahunan Parlimen Malaysia

Vot	Program	Aktiviti	Kegunaan
T05 YPDR	Urusan Parlimen	Pentadbiran Am	Gaji dan Elaun Ahli Parlimen Yang di-Pertua Dewan Rakyat
T06 YPDN	Urusan Parlimen	Pentadbiran Am	Gaji dan Elaun Ahli Parlimen Yang di-Pertua Dewan Negara
B01 Parlimen Malaysia	Urusan Parlimen	Pentadbiran Am	Peruntukan bagi pengoperasian Parlimen. Contoh: a) Gaji dan elaun kakitangan b) Tuntutan perjalanan kakitangan c) Kontrak-kontrak seperti pengoperasian/penyelenggaraan ICT, penyelenggaraan bangunan, sewaan kenderaan dan peralatan d) Perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja e) Yuran persatuan antarabangsa
		Pengurusan Dewan	Peruntukan bagi Ahli Parlimen dan perjalanan dewan. Contoh: a) Gaji dan elaun kakitangan dewan b) Gaji dan elaun TYDP c) Elaun dan kelayakan Ahli Parlimen d) Tuntutan perjalanan Ahli Parlimen
	Program Khusus	Bertugas Ke Luar Negara	Peruntukan bagi semua urusan lawatan rasmi, lawatan kerja, menghadiri persidangan/seminar dan lain-lain di luar negara
		Emolumen Kakitangan Kontrak	Peruntukan gaji, elaun dan kelayakan kakitangan kontrak (di luar waran perjawatan)
	One-off	Contoh: Perolehan Aset, Pembaikan Bangunan	Perolehan atau projek-projek kecil <i>one-off</i> (sekiranya ada)

Sumber: Parlimen Malaysia



Kaedah perbelanjaan peruntukan kewangan Parlimen Malaysia berdasarkan Anggaran Perbelanjaan Tahunan yang telah dikemukakan. Semua pembayaran gaji dan elaun kepada kakitangan dan ahli Parlimen dilakukan secara automatik setiap bulan melalui Sistem Gaji. Manakala perbelanjaan bagi semua perolehan yang telah dirancang perlu dilaksanakan oleh setiap bahagian yang bertanggungjawab setelah mendapat kelulusan KPPM. Perbelanjaan ini hendaklah mematuhi tatacara perolehan mengikut Pekeliling Perbendaharaan/ Perolehan Kerajaan. Pembayaran bagi semua perolehan yang mematuhi peraturan dilaksanakan oleh Unit Perolehan dan Bayaran, Seksyen Kewangan dan Akaun, Bahagian Pengurusan setelah disahkan oleh bahagian yang bertanggungjawab. Bayaran berkaitan ahli Parlimen seperti tuntutan perjalanan, bayaran elaun mesyuarat dan sebagainya pula dilaksanakan oleh Bahagian Hal Ehwal Ahli Parlimen.

Dalam aspek perbelanjaan peruntukan kewangan, Parlimen Malaysia bertanggungjawab mentadbir sepenuhnya peruntukan ini. Parlimen Malaysia juga bertanggungjawab mengemukakan laporan suku tahun pengurusan kewangan dan akaun kepada Kementerian Kewangan Malaysia berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan.<sup>20</sup> Dalam situasi sekiranya peruntukan kewangan tahunan Parlimen Malaysia tidak mencukupi, permohonan peruntukan tambahan akan dikemukakan kepada Kementerian Kewangan Malaysia dengan menyatakan perincian keperluan tambahan. Sekiranya, terdapat peruntukan lebihan yang tidak dibelanjakan, Kementerian Kewangan Malaysia boleh mengeluarkan waran sekatan untuk menarik balik lebihan peruntukan tersebut.

## **Akta Perkhidmatan Parlimen Negara Komanwel**

Akta Perkhidmatan Parlimen mempunyai pelbagai struktur dan bentuk di negara masing-masing. Setiap negara Komanwel mewarisi sistem daripada Westminster dan mempunyai keunikan tersendiri dalam aplikasi berkaitan perkhidmatan Parlimen. Terdapat dua bentuk utama akta perkhidmatan parlimen yang diamalkan di dunia, iaitu pertama, berasaskan pendekatan berasaskan Suruhanjaya (*Commissioner-based*) contoh di United Kingdom, Australia, New Zealand dan kedua bertaraf pendekatan berasaskan pentadbiran (*administrative based*) seperti di Kanada.

---

20 Perbendaharaan Malaysia, 'Garis Panduan Pelaksanaan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun' <<https://1pp.treasury.gov.my/pindaan/sebelum/597/muat-turun>> dicapai 3 Februari 2022.

## **United Kingdom**

Perjalanan perkhidmatan Parlimen, terutamanya *House of Commons* (HOC), berlangsung dengan disokong oleh statut yang khusus untuk memastikannya teratur dan efektif. Di United Kingdom, terdapat tiga akta utama iaitu *House of Commons Administration Act 1978*, *Parliamentary Corporate Bodies Act 1992* dan *House of Commons Commission Act 2015*. Ketiga-tiga Akta ini memainkan peranan yang penting dalam urusan pentadbiran dan pengurusan *House of Commons United Kingdom*.<sup>21</sup>

Akta utama untuk mentadbir perkhidmatan Parlimen di United Kingdom dikenali sebagai *House of Commons Administration Act 1978*. Laporan Bottomley pada tahun 1973, menyatakan cadangan penubuhan Akta ini adalah bagi memperkemaskan pentadbiran *House of Commons* supaya lebih seragam dan mempunyai koordinasi yang lebih baik.<sup>22</sup> Selain itu, bagi urusan penubuhan badan korporat bagi hartanah membabitkan *House of Commons*, satu Akta dikenali sebagai *Parliamentary Corporate Bodies Act 1992* telah diwujudkan. Manakala *House of Commons Commission Act 2015* telah menjelaskan peranan *House of Commons Commissioner* dari segi aspek komposisi dan fungsi berkaitan.<sup>23</sup>

Suruhanjaya Perkhidmatan Parlimen yang diwujudkan menerusi *HOC (Administration) Act 1978*, *HOC Commission Act 2015* mempunyai komposisi iaitu *Speaker*, Ketua Dewan HOC, Ahli HOC yang dilantik Ketua Pembangkang, 2 ahli selain Ahli HOC dan 2 ahli rasmi HOC iaitu *Clerk of the HOC* dan *Director General HOC*. Satu keunikan yang terdapat dalam komposisi ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Parlimen UK ialah komposisi ahli-ahli luar daripada Parlimen seperti pakar-pakar bidang tertentu dipilih menganggotai Suruhanjaya (Commission) tersebut. Berdasarkan Seksyen (1) 4 Akta berkaitan, seramai empat orang ahli dilantik bukan daripada *Minister of Crown* yang terdiri daripada pakar-pakar bidang tertentu yang boleh menasihatkan Suruhanjaya berkaitan apa-apa sahaja isu dalam perkhidmatan Parlimen.<sup>24</sup>

Dalam aspek kewangan, Seksyen 3 (1) *HOC Act 1978* menjelaskan tanggungjawab Suruhanjaya bagi menyediakan laporan penggunaan sumber kewangan dan perkhidmatan di HOC pada setiap tahun. Seorang

---

21 R. Rogers and R. Walters, *How Parliament Works 8th edition* (Routledge, 2019).

22 M.T. Ryle, 'The Legislative Staff of the British House of Commons' (1981) 6(4) *Legislative Studies Quarterly* 497.

23 Rogers and Walters (n 21).

24 *ibid.*

pegawai akaun daripada kakitangan pentadbiran HOC boleh dilantik menerusi Seksyen 3 (2) HOC Act 1978 bagi menyediakan dan menjaga perkara berkaitan sumber kewangan HOC.

### **Australia**

Perkhidmatan Parlimen Australia tertakluk di bawah Parliamentary Service Act 1999. Akta ini dibaca bersama-sama Perlembagaan Australia, Public Service Act 1999, Fair Work (Transitional Provisions and Consequential Amendment) Act 2009, Charter of Budget Honesty Act 1998 dan Public Governance, Performance and Accountability Act 2013.<sup>25</sup> Akta pertama, Parliamentary Service Act 1999 ini mempunyai keunikan tersendiri kerana penerapan nilai-nilai seperti komited, etika, penghormatan, akauntabiliti dalam Parlimen Australia dan tidak bersifat berat sebelah seperti terkandung dalam Seksyen 10 Akta berkaitan. Sebagai tambahan, Seksyen 10A Akta tersebut menekankan tentang perkhidmatan yang menekankan perkembangan kerjaya (*career-based service*) dan berteras kualiti kerja dan pembuatan keputusan berasaskan merit.

Australia mempunyai sistem sokongan sosial dan profesional bagi setiap ahli Parlimen, Senator dan bersifat bebas daripada Eksekutif berdasarkan Seksyen 9. Berlainan dengan United Kingdom, peruntukan berkaitan Suruhanjaya Perkhidmatan Parlimen (*Parliamentary Service Commission*) telah dimasukkan dalam Seksyen 39 dan 40 Akta terutamanya berkaitan fungsi-fungsi Suruhanjaya seperti memberi nasihat kepada 'Presiding Officers' berkaitan amalan Parlimen termasuk memberi laporan dan menjalankan inkuiri dalam perkara berkaitan dengan kepentingan awam. Presiding Officers ini merujuk President of Senate dan apa-apa berkaitan termasuk *Clerk of the House*, *Speaker House of Representative* termasuk *Clerk of the House* menerusi Seksyen 7.<sup>26</sup>

Public Governance, Performance and Accountability Act 2013, ialah statut penting yang menyokong kedudukan Parlimen Australia sebagai institusi yang bebas dan bertanggungjawab. Akta ini bertujuan untuk mempertingkatkan pencapaian sektor awam dan memperbaiki kualiti maklumat yang disampaikan kepada Parlimen bagi menyokong peranan Parlimen iaitu mengawal aktiviti dan perbelanjaan kewangan negara.

25 Makluman berkaitan undang-undang Perkhidmatan Parlimen di Australia boleh diperolehi menerusi <[https://www.aph.gov.au/About\\_Parliament/Parliamentary\\_Departments](https://www.aph.gov.au/About_Parliament/Parliamentary_Departments)> dicapai 16 Februari 2022.

26 Parliamentary Service Act (Australia) 1999, s 7.

Tanggungjawab yang dikenakan oleh akta kepada agensi kerajaan untuk membuat pelaporan memudahkan Parlimen bagi menjalankan semakan. Tugasan ini dijalankan oleh *Joint Committee of Public Accounts and Audit* yang merupakan jawatankuasa kewangan awam dalam Parlimen.

Peruntukan bagi Perbelanjaan Parlimen pula dibuat menerusi Annual (Parliamentary Department) Act tersendiri. Terdapat dua jawatankuasa dikenali sebagai *House Committee on Appropriations and Administration* dan juga *Senate Committee on Appropriation and Staffing* yang berperanan untuk mencadangkan dan menyemak anggaran perbelanjaan jabatan masing-masing. Seterusnya, anggaran perbelanjaan ini akan diserahkan kepada badan Eksekutif untuk dibentangkan di Parlimen.

### **New Zealand**

Undang-Undang Perkhidmatan Parlimen di New Zealand dikenali sebagai *Parliamentary Service Act (PSA) 2000*. Selain itu, akta-akta yang lain berkaitan dengan urusan Parlimen ialah *The Clerk of House Representative Act 1988* berkaitan dengan urusan 'Clerk' di dalam Parlimen, *Legislation Act 2012* berkaitan dengan pemodenan penerbitan berkaitan undang-undang dan Parlimen serta *The Parliamentary Agencies Delegations Legislation Act 2019* yang membenarkan perwakilan kuasa antara agensi-agensi Parlimen.<sup>27</sup>

New Zealand juga mempunyai Suruhanjaya Perkhidmatan Parlimen yang terdiri daripada Speaker, Ketua Majlis (Leader of House), Ketua Pembangkang dan sejumlah ahli Parlimen yang dilantik menerusi ketetapan *House of Representative* mewakili parti politik (seorang ahli) dan tambahan seorang ahli bagi setiap 30 orang ahli yang berada dalam Dewan Perwakilan.<sup>28</sup> Dari segi struktur Pentadbiran, Ketua Eksekutif mengetuai pentadbiran Parlimen dan dibantu oleh empat bahagian yang lain iaitu Perkhidmatan Pelanggan dan Penglibatan Parlimen, Perkhidmatan Korporat, Perkhidmatan Perpustakaan dan Penyelidikan, Maklumat dan Keselamatan.

Dari aspek kewangan, Seksyen 29 *The Clerk of House Representative Act 1988* peruntukan gaji, elaun dan perbelanjaan bagi urusan berkaitan Parlimen di bawah akta ini dibayar menggunakan peruntukan kewangan Parlimen. Penubuhan satu jawatankuasa dikenali sebagai *Committee to Review Annual Appropriation* bagi mengawal selia perbelanjaan Parlimen

---

27 Kesemua Undang-Undang berkaitan Perkhidmatan Parlimen New Zealand boleh dicapai di <<https://www.legislation.govt.nz/>> dicapai 9 Februari 2022.

28 *Parliamentary Service Act (New Zealand) 2000*, s 15(2).

yang diketuai oleh Speaker dan tiga (3) ahli dilantik bertujuan untuk memastikan sumber kewangan yang mencukupi bagi pentadbiran, sistem sokongan parlimen, servis komunikasi bagi ahli Parlimen dan tujuan sokongan bagi parti dan ahli.<sup>29</sup>

## **Kanada**

Perkhidmatan Parlimen di Kanada ditadbir menerusi *Parliament of Canada Act 1985* dan beberapa undang-undang kecil termasuk *Rules of the Senate of Canada*, *Board of Internal Economy Members By-Law*, *Committees By-Law*, *Governance and Administration By-Law*, dan juga *Rules of Practice and Procedure of the Board of Internal Economy*.<sup>30</sup> Berbeza dengan negara-negara Komanwel lain yang mempunyai Suruhanjaya, Parlimen di Kanada menggunakan dua jawatankuasa khas yang bertanggungjawab dalam urusan pentadbiran Parlimen. Jawatankuasa pertama ialah *Standing Senate Committee on Internal Economy, Budgets and Administration* (Standing Senate Committee) ditubuhkan di bawah Seksyen 19.1 (4) *Parliament of Canada Act 1985* dengan komposisi seramai 15 orang ahli diketuai oleh *President of Senate*, Ketua Majlis (Kerajaan) atau ahli dilantik dan Ketua Pembangkang atau ahli lantikan. Jawatankuasa Kedua pula dinamakan sebagai *Board of Internal Economy of the House of Commons* (The Board) ditubuhkan dengan komposisi seramai sembilan (9) orang ahli terdiri daripada Speaker, 2 ahli *Queen's Privy Council*, Ketua Pembangkang, Ahli selain daripada lantikan kerajaan berdasarkan kepada komposisi parti di Dewan Perwakilan Parlimen Kanada (*House of Representative Canada*).<sup>31</sup>

Urusan pentadbiran di Parlimen terbahagi kepada dua iaitu di Dewan Senat dan Dewan Perwakilan. Di Dewan Senat, tiga (3) orang pegawai paling kanan mengetuai pentadbiran iaitu Setiausaha (*Clerk of the Senate*), *Law Clerk* dan seterusnya *Parliamentary Council* yang merupakan Ketua Pegawai Perkhidmatan Korporat. Manakala di peringkat Dewan Perwakilan, Setiausaha Dewan dibantu oleh Ketua Eksekutif *Clerk's Management Group* yang terdiri daripada tujuh orang (7) orang ahli yang mewakili pelbagai perkhidmatan di Parlimen.

29 *Parliamentary Service Act* (New Zealand) 2000, s 20 (1).

30 Bacaan lanjut berkaitan undang-undang perkhidmatan Parlimen di Kanada boleh diperolehi di <<https://www.ourcommons.ca/Boie/en/by-laws-and-policies>> dicapai 16 Februari 2022.

31 Rujukan di *Board of Internal Economy (Current Membership)* di <<https://www.ourcommons.ca/boie/en/membership>> dicapai 16 Februari 2022.

Bagi autonomi kewangan, The Board berkuasa dalam urusan berkaitan pentadbiran dan kewangan di Dewan Perwakilan Kanada dan hendaklah menyediakan anggaran peruntukan perbelanjaan pada tahun fiskal.<sup>32</sup> Seksyen 79.1 sehingga 79.5 *Parliament of Canada Act 1985* telah menyediakan peruntukan bagi Pejabat Belanjawan Parlimen yang bersifat bebas dan tidak berat sebelah serta bertanggungjawab dalam penyediaan analisis makroekonomi dan dasar fiskal bagi meningkatkan kualiti perbahasan dan memastikan perbelanjaan Parlimen lebih telus.

## **Perkhidmatan Parlimen di Malaysia**

### ***Akta Perkhidmatan Parlimen 1963***

Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 mempunyai lapan seksyen utama yang menjelaskan kelayakan bagi pelantikan dan syarat-syarat perkhidmatan kakitangan Parlimen, penubuhan Jawatankuasa Penasihat Perkhidmatan Parlimen dan membuat perundangan subsidiari berkaitan hal ehwal Parlimen.<sup>33</sup> Dalam aspek kakitangan, Seksyen 4 telah memperuntukkan kuasa melantik kakitangan di bawah kuasa Speaker Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Kedua-dua jawatan ini telah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong menerusi peruntukan Perkara 65 Perlembagaan Persekutuan. Dalam aspek pengurusan gaji dan pencen, Seksyen 6 menjelaskan kuasa-kuasa berkaitan adalah di bawah Jawatankuasa Penasihat Perkhidmatan Parlimen yang dilantik.

Jawatankuasa Penasihat Perkhidmatan Parlimen telah ditubuhkan di bawah Seksyen 5 dan dianggotai oleh Yang di-Pertua Dewan Rakyat selaku Pengerusi, Yang di-Pertua Dewan Negara, masing-masing seorang ahli dilantik Dewan Negara dan Dewan Rakyat oleh Perdana Menteri, seorang ahli Parlimen Parti Pembangkang yang dilantik oleh Yang di-Pertua Dewan Rakyat, seorang pegawai Perbendaharaan atau wakil dan seorang Pegawai Perjawatan dan wakilnya. Dalam aspek perundangan subsidiari, Seksyen 7 bertujuan memastikan kawal selia dilakukan terhadap Parlimen termasuk urusan pelantikan, syarat perkhidmatan, kenaikan pangkat dan tata tertib perkhidmatan Parlimen. Undang-undang kecil ini boleh dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong setelah berunding dengan Jawatankuasa Penasihat. Peraturan-peraturan Perkhidmatan Parlimen 1983 telah diluluskan di bawah Seksyen 7

---

32 Parliament of Canada Act (PCA) 1985, ss. 52.3 dan 52.4 (1).

33 Akta Perkhidmatan Parlimen 1963.

mengandungi perincian seperti disebutkan berkaitan Perkhidmatan Parlimen.

Walau bagaimanapun, akta ini telah diwartakan pemansuhannya pada 19 November 1992 melalui Akta Perlembagaan (Pindaan) 1992 [Akta A837].<sup>34</sup> Menurut Wan Junaidi, pemansuhan akta yang berkaitan berlaku kerana terdapat pertentangan antara Speaker Dewan Rakyat dan kakitangan Parlimen termasuk masalah dalaman dan isu-isu berkaitan.<sup>35</sup> Hanya pada tahun 2005, Tan Sri Shahrir Samad, Ketua Whip Kerajaan yang merupakan ahli Parlimen Johor Bahru ketika itu telah mencadangkan agar akta ini diperkenalkan semula.<sup>36</sup> Selepas 2018, semakin ramai ahli Parlimen memahami betapa pentingnya akta ini diwujudkan semula bagi memastikan institusi Parlimen dibela, bersifat neutral dan kebajikan kakitangan dapat dilindungi.<sup>37</sup>

### ***Memperkenalkan Semula Akta Perkhidmatan Parlimen***

Sejak dimansuhkan pada tahun 1993, terdapat sekurang-kurangnya tiga usaha besar dilakukan bagi memperkenalkan semula Akta Perkhidmatan Parlimen. Pertama, pada tahun 2011, YB Dato' Sri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar, Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat ketika itu mengetuai Jawatankuasa Pembaharuan Undang-undang di Parlimen. Jawatankuasa ini telah mencadang dan mendraf Rang Undang-undang Perkhidmatan Parlimen kepada pihak Kerajaan. Kedua, YB Tan Sri Datuk Seri Panglima Pandikar Amin Mulia, Yang di-Pertua Dewan Rakyat semasa melaksanakan agenda Transformasi Parlimen Malaysia pada tahun 2016 turut berusaha mengembalikan Akta Perkhidmatan Parlimen. Draf untuk memperkenalkan semula Akta Perkhidmatan Parlimen telah disertakan bersama Penyata Jawatankuasa Dewan, Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.<sup>38</sup> Ketiga, usaha yang diketuai oleh YB Tan Sri Dato' Mohamad Ariff Md Yusof, Yang di-Pertua Dewan Rakyat semasa

34 D.R. 29/92 Rang Undang-undang untuk meminda Perlembagaan Persekutuan 1992 (1992).

35 W.J. Tuanku Jaafar, *Evolusi Parlimen dan Evolusi Speaker Parlimen Malaysia* (Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 2013).

36 DR Deb 13 Okt 2005, Bil. 53 <<https://www.parlimen.gov.my/files/hindex/pdf/DR-13102005.pdf>> 4.

37 DR Deb 18 Jul 2018, Bil. 3 <<https://www.parlimen.gov.my/files/hindex/pdf/DR-18072018.pdf>> 78-101.

38 Jawatankuasa Dewan (DR 2013-2018, DR.14/2016), <<https://www.parlimen.gov.my/ipms/eps/2016-11-24/DR.14.2016%20-%20PENYATA%20JAWATANKUASA%20DEWAN%20MAJLIS%20MESYUARAT%20DEWAN%20RAKYAT.pdf>>.

era Kerajaan Pakatan Harapan pada tahun 2018, telah menyediakan draf Rang Undang-Undang Suruhanjaya Perkhidmatan Parlimen untuk dipertimbangkan.<sup>39</sup>

Daripada tiga draf cadangan mengembalikan Akta Perkhidmatan Parlimen, hanya cadangan pada tahun 2016 telah dikemukakan kepada Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat untuk pertimbangan pihak kerajaan manakala dua lagi cadangan masih di peringkat penelitian. Dalam cadangan ini, Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 dicadangkan untuk dihidupkan semula melalui pengenalan suatu rang undang-undang. Pengenalan ini akan melibatkan pindaan terhadap Perlembagaan Persekutuan yang melibatkan Perkara 65 berkaitan pelantikan Setiausaha Dewan Negara dan Setiausaha Dewan Rakyat dan Perkara 132 berkenaan perkhidmatan-perkhidmatan awam. Dengan pengenalan akta ini juga akan mengubah perkhidmatan Parlimen daripada Perkhidmatan Awam Persekutuan kepada Perkhidmatan Tertutup Parlimen. Selain itu, keanggotaan Jawatankuasa Penasihat Perkhidmatan Parlimen berdasarkan Akta Perkhidmatan Parlimen 1963<sup>40</sup> turut dicadangkan untuk diluaskan dengan pelantikan Peguam Negara atau wakilnya bagi memberi nasihat undang-undang dan Ketua Pesuruhjaya Anti Rasuah Malaysia untuk memastikan keutuhan dan integriti pentadbiran Parlimen.

Pengenalan perkhidmatan Parlimen secara tertutup yang berasingan daripada Perkhidmatan Awam Persekutuan dikenal pasti memberikan implikasi tertentu kepada kelancaran perkhidmatan Parlimen. Tempoh peralihan yang mencukupi perlu diberikan bagi memastikan kecekapan dalam pengurusan dan pentadbiran Parlimen tidak terjejas sekiranya tenaga kerja berkemahiran dan berkebolehan tidak dikekalkan di Parlimen. Justeru, dicadangkan supaya pegawai dan kakitangan sedia ada yang sedang berkhidmat di Parlimen dilantik secara pinjaman atau apa-apa kaedah lain dalam perkhidmatan bagi mewujudkan kesinambungan dalam perkhidmatan. Selain itu, isu kenaikan pangkat, tindakan tatatertib dan lantikan pegawai dan kakitangan turut memerlukan pemerhatian bagi mengelakkan berlakunya '*brain drain*' atau isu integriti dalam lantikan dan disiplin pegawai dan kakitangan Parlimen.

---

39 DR Deb 28 Nov 2019, Bil. 64 <<https://www.parlimen.gov.my/files/hindex/pdf/DR-28112019.pdf>> 25-6.

40 Akta Perkhidmatan Parlimen 1963, s 5.



## **Pengenalan Akta Perkhidmatan Parlimen yang baharu**

Bagi merangka sebuah rang undang-undang Perkhidmatan Parlimen Malaysia yang baharu, cadangan undang-undang perkhidmatan Parlimen Malaysia harus mengandungi ciri-ciri penting yang telah digariskan oleh badan antarabangsa seperti CPA yang telah menyimpulkan bahawa aspek penting dalam pengurusan efektif bagi Parlimen boleh ditentukan melalui kebolehan institusi Parlimen mengawal sumber yang diperlukan bagi menjalankan tanggungjawabnya terhadap kerajaan.<sup>41</sup> Ciri-ciri penting lain juga boleh dirujuk dalam beberapa undang-undang Perkhidmatan Parlimen seperti House of Commons (Administration) Act (United Kingdom) 1978 dan Parliamentary Services Act (Australia) 1999. Rang Undang-undang Perkhidmatan Parlimen harus dipertimbangkan sebagai wajah baharu perkhidmatan Parlimen Malaysia dengan mengambil kira beberapa aspek penting berikut:

1. Punca kuasa undang-undang perkhidmatan Parlimen di bawah Perlembagaan Persekutuan

Punca kuasa bagi undang-undang perkhidmatan Parlimen yang baharu harus dimasukkan kembali ke dalam Perlembagaan Persekutuan. Pindaan terhadap Fasal (2) Perkara 65, Perlembagaan Persekutuan dilakukan seperti berikut,

- (2) *Setiausaha Dewan Negara dan Setiausaha Dewan Rakyat hendaklah dilantik oleh Yang Di-Pertuan Agong dan, tertakluk kepada Fasal (3), setiap orang hendaklah memegang jawatan sehingga dia mencapai umur enam puluh lima tahun atau apa-apa umur lain sebagaimana yang diperuntukkan oleh Parlimen melalui undang-undang, melainkan jika dia terlebih dahulu meletakkan jawatannya.*

*Dengan syarat bahawa Fasal ini tidaklah boleh dikira sebagai menghalang Yang Di-Pertuan Agong daripada membuat pelantikan itu daripada kalangan anggota perkhidmatan awam yang baginya Bahagian X terpakai bagi apa-apa tempoh yang lebih pendek sebagaimana yang difikirkannya patut, dan proviso ini hendaklah disifatkan telah menjadi bahagian perlu Perkara ini mulai dari hari Merdeka.*

Selain itu, Fasal (4) Perkara 65, Perlembagaan Persekutuan juga dicadangkan dikembalikan sebelum pindaan pada tahun 1992,

---

41 CPA (n 2).

*Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dengan nyata selainnya oleh Perkara ini, kelayakan untuk pelantikan dan syarat-syarat perkhidmatan Setiausaha Dewan Negara dan Setiausaha Dewan Rakyat, dan anggota kakitangan Majlis-majlis Parlimen, bolehlah dikawal selia oleh undang-undang Persekutuan.*

## 2. Kedudukan Suruhanjaya Perkhidmatan Parlimen

Kedudukan Suruhanjaya Perkhidmatan Parlimen dalam akta baharu diperincikan komposisi ahli, kaedah pelantikan ahli dan tempoh masa pelantikan. Komposisi ahli Suruhanjaya yang berasaskan keahlian Jawatankuasa Penasihat Perkhidmatan Parlimen seramai tujuh ahli seperti mana Seksyen 5 Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 boleh dikembangkan dengan penambahan lima ahli menjadikan keahlian Suruhanjaya Perkhidmatan Parlimen seperti berikut:

- i. Yang di-Pertua Dewan Negara sebagai Pengerusi,
- ii. Yang di-Pertua Dewan Rakyat sebagai Pengerusi Bersama,
- iii. Ketua Majlis Dewan Rakyat,
- iv. Ketua Pembangkang atau seorang ahli Dewan Rakyat yang dilantik Ketua Pembangkang bagi mewakili pembangkang,
- v. Seorang ahli Dewan Negara yang dipilih melalui ketetapan Dewan Negara,
- vi. Seorang ahli Dewan Rakyat yang dipilih melalui ketetapan Dewan Rakyat,
- vii. Seorang ahli luar,
- viii. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam atau wakil,
- ix. Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau wakil,
- x. Ketua Pentadbir Parlimen atau dikenali sebagai Setiausaha Bagi Parlimen,
- xi. Setiausaha Dewan Negara dan Setiausaha Dewan Rakyat sebagai Setiausaha Bersama.

Komposisi ini adalah seperti amalan di dalam House of Commons (Administration) Act (United Kingdom) 1978.<sup>42</sup> Keanggotaan ahli luar dalam Suruhanjaya ini adalah bagi memberi ruang kepakaran dan perspektif pihak di luar daripada institusi Parlimen dan lantikan dibuat melalui ketetapan Parlimen berdasarkan merit dan pemilihan yang terbuka dan saksama serta bukan merupakan ahli Parlimen dan bukan di bawah kawalan badan Eksekutif.<sup>43</sup> Tempoh pelantikan ahli Suruhanjaya adalah selama lima tahun apabila Suruhanjaya Perkhidmatan Parlimen ditubuhkan selepas pilihan raya umum kecuali Parlimen dibubarkan terlebih dahulu.

### 3. Jawatan Ketua Pentadbir Parlimen

Ketua Pentadbir Parlimen bertanggungjawab kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Parlimen dan tugas serta peranan yang sama turut dimainkan oleh *Director General* di *House of Commons, United Kingdom* dan *Secretary Department of Parliamentary Services* di Parlimen Australia. Jawatan Ketua Pentadbir Parlimen, Setiausaha Dewan Negara dan Setiausaha Dewan Rakyat adalah setara dalam struktur organisasi Parlimen seperti mana amalan Parlimen Australia dalam usaha membantu operasi Suruhanjaya Perkhidmatan Parlimen.

### 4. Pemisahan perkhidmatan Parlimen daripada badan Eksekutif secara jelas

Pemisahan perkhidmatan Parlimen daripada badan Eksekutif secara jelas adalah selari dengan amalan demokrasi berparlimen di peringkat antarabangsa. Pindaan Perkara 132(4)(a), Perlembagaan Persekutuan perlu dilakukan bagi mengecualikan perkhidmatan Parlimen daripada perkhidmatan awam seperti mana sebelum pindaan Perlembagaan pada tahun 1992.

### 5. Kewangan institusi Parlimen

Model autonomi kewangan di United Kingdom memberi kuasa kepada Speaker untuk membentangkan sendiri belanjawan

42 House of Commons (Administration) Act (United Kingdom) 1978, s 1 <<https://www.legislation.gov.uk/ukpga/1978/36/contents>>.

43 M. Salik, *Model Law for Independent Parliaments: Establishing Parliamentary Service Commission for Commonwealth Legislatures* (London, CPA, 2020) 15 <[https://www.cpahq.org/media/usdnwccqp/model-law-for-independent-parliaments\\_final.pdf](https://www.cpahq.org/media/usdnwccqp/model-law-for-independent-parliaments_final.pdf)>.

institusi Parlimen ke dalam House of Commons.<sup>44</sup> Manakala di Australia, walaupun amalannya mirip dengan amalan di Malaysia, peruntukan untuk Parlimen diperolehi daripada Rang Undang-Undang Perbekalan (Jabatan Perkhidmatan Parlimen) yang berasingan daripada rang undang-undang perbekalan tahunan kerajaan. Hal ehwal kewangan bagi Parlimen yang selaras dengan amalan Parlimen yang bebas perlu mengambil kira dua aspek utama iaitu menyediakan dan membentangkan anggaran perbelanjaan tahunan kepada Parlimen yang perlu diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan Parlimen bagi tahun berikutnya, dan menentukan jumlah peruntukan bagi perkhidmatan Parlimen melalui perundingan dengan badan Eksekutif, tanpa sebarang persetujuan awal oleh mana-mana pihak selain Parlimen.<sup>45</sup>

#### 6. Ketelusan dan tataurus yang baik

Aspek ketelusan dan tataurus yang baik merupakan ciri-ciri pengurusan sesebuah institusi Parlimen yang berkesan untuk mentadbir dan mengoptimumkan sumber. Penerbitan laporan tahunan institusi Parlimen berupaya untuk memastikan peranan, tanggungjawab dan kebebasan Parlimen dilapor dan disemak secara terbuka. Parlimen Australia menetapkan untuk laporan tahunan dikemukakan kepada Speaker, Jawatankuasa Pilihan dan kepada Parlimen.<sup>46</sup> Amalan sama turut dilakukan di United Kingdom apabila laporan tahunan Parlimen dikemukakan kepada House of Commons Commission berdasarkan House of Commons (Administration) (United Kingdom) Act 1978.

## Kesimpulan

Makalah ini telah meneliti aspek penting dalam usaha merangka undang-undang perkhidmatan Parlimen dengan melihat amalan sistem Westminster di United Kingdom, Australia, New Zealand dan Kanada. Tiga ciri penting yang dapat dirujuk bagi sebuah Parlimen yang bebas adalah jaminan dalam Perlembagaan, autonomi institusi yang melibatkan pentadbiran dan kewangan. Kewujudan semula akta ini

---

44 House of Commons (Administration) Act (United Kingdom) 1978, s 3(1).

45 *ibid.* 20.

46 Parliamentary Service Act (Australia) 1999, s 65.

mbolehkan semangat perlembagaan atau '*constitutionalism*' seperti pemisahan kuasa, semak dan imbang dapat dijalankan dengan lebih teratur dan saksama. Sudah tiba masanya Malaysia mempunyai Akta Perkhidmatan Parlimen seperti negara-negara lain bagi memastikan kebebasan dan integriti Parlimen untuk menjalankan tanggungjawab selaras dengan Perlembagaan Persekutuan. Walaupun kepentingan perkhidmatan Parlimen dikenal pasti mampu meningkatkan kebebasan dan tadbir urus institusi Parlimen, sistem Parlimen Westminster yang diamalkan di negara ini akhirnya memerlukan azam siasah (*political will*) daripada pihak kerajaan sendiri bagi mewujudkan semula undang-undang perkhidmatan Parlimen. Namun, selaras dengan pelbagai model, penanda aras dan amalan di peringkat antarabangsa, keperluan mengembalikan semula undang-undang perkhidmatan Parlimen merupakan keutamaan bagi meningkatkan imej dan peranan Parlimen sebagai institusi perundangan tertinggi dalam negara.

## Perakuan

Kertas ini merupakan sebahagian hasil penyelidikan bertajuk 'Kajian Penyelidikan Berhubung Mengembalikan Undang-Undang Perkhidmatan Parlimen di Malaysia' oleh penyelidik-penyelidik daripada Institut Reformasi Politik dan Demokrasi (REFORM) bersama-sama Bersih & Adil Network (BERSIH 2.0) dan dibiayai oleh Malaysia Reform Initiatives (MARI).

## Rujukan

Akta Perkhidmatan Parlimen 1963.

Beetham D., *Parliament and democracy in the twenty-first century: A guide to good practice* (Geneva, IPU, 2006).

Board of Internal Economy (Current Membership) <<https://www.ourcommons.ca/boie/en/membership>>.

Brennan G., 'The Parliament, the Executive and the Courts: Roles and Immunities' (1997) 9(2) *Bond Law Review* 136, 137-8.

Couderc M., 'The administrative and financial autonomy of parliamentary assemblies' (1998) *Association of Secretaries General of Parliaments* 177 <<https://www.asgp.co/node/29411>> dicapai 28 Jun 2021.

CPA, *Commonwealth Latimer House Principles on the Three Branches of Government* (London, CPA, 2009) <<https://www.cpahq.org/media/dhfajkpg/commonwealth-latimer-principles-web-version.pdf>> dicapai 25 Ogos 2021.

\_\_\_ *Recommended Benchmarks for Democratic Legislatures* (London, CPA, 2006) <<https://www.cpahq.org/media/10jjk2nh/recommended-benchmarks-for-democratic-legislatures-updated-2018-final-online-version-single.pdf>> dicapai 25 Ogos 2021.

\_\_\_ *The Financing and Administration of Parliament - Report of a CPA study group hosted by the Legislature of Zanzibar, Tanzania, from 25 to 29 May 2005* (London, CPA, 2005) <<https://www.cpahq.org/media/awydqld2/administration-and-financing-of-parliament-study-group-report-1.pdf>> dicapai 25 Ogos 2021.

D.R. 29/92 Rang Undang-undang untuk meminda Perlembagaan Persekutuan 1992 (1992).

DN Deb 15 Mac 1963, Vol. IV No. 7 <<https://www.parlimen.gov.my/files/hindex/pdf/DN-15031963.pdf>> 542-9.

DR Deb 10 Feb 1972, Jilid I Bil. 66 <<https://www.parlimen.gov.my/files/hindex/pdf/DR-10021972.pdf>> 7561-7.

DR Deb 12 Mac 1963, Vol. IV No. 38 <<https://www.parlimen.gov.my/files/hindex/pdf/DR-12031963.pdf>> 4089-90.

DR Deb 13 Okt 2005, Bil. 53 <<https://www.parlimen.gov.my/files/hindex/pdf/DR-13102005.pdf>> 4.

DR Deb 18 Jul 2018, Bil. 3 <<https://www.parlimen.gov.my/files/hindex/pdf/DR-18072018.pdf>> 78-101.

DR Deb 21 Okt 1992, Jilid II Bil. 29 <<https://www.parlimen.gov.my/files/hindex/pdf/DR-21101992.pdf>> 6422-534.

DR Deb 28 Nov 2019, Bil. 64 <<https://www.parlimen.gov.my/files/hindex/pdf/DR-28112019.pdf>> 25-6.

*Gobind Singh Deo v Yang Dipertua, Dewan Rakyat & Ors* [2010] 9 CLJ 449.

House of Commons (Administration) Act (United Kingdom) 1978 <<https://www.legislation.gov.uk/ukpga/1978/36/contents>>.

House of Commons (Canada) <<https://www.ourcommons.ca/Boie/en/by-laws-and-policies>>.

House of Commons Commission Act (United Kingdom) 2015.

IPU, *Comparative research paper on Parliamentary administration* (Geneva, IPU, 2020).

*Jawatankuasa Dewan* (DR2013-2018, DR.14/2016) <<https://www.parlimen.gov.my/ipms/eps/2016-11-24/DR.14.2016%20-%20PENYATA%20JAWATANKUASA%20DEWAN%20MAJLIS%20MESYUARAT%20DEWAN%20RAKYAT.pdf>>.

Legislation (New Zealand) <<https://www.legislation.govt.nz/>>.

Parliamentary Department (Australia) <[https://www.aph.gov.au/About\\_Parliament/Parliamentary\\_Departments](https://www.aph.gov.au/About_Parliament/Parliamentary_Departments)> .

Parliamentary Service Act (Australia) 1999.

Perbendaharaan Malaysia, 'Garis Panduan Pelaksanaan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun' <<https://1pp.treasury.gov.my/pindaan/sebelum/597/muat-turun>> dicapai 3 Februari 2022.

Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

Public Governance, Performance and Accountability Act (United Kingdom) 2013.

Rogers R. and Walters R., *How Parliament Works 8th edition* (Routledge, 2019).

Ryle M.T., 'The Legislative Staff of the British House of Commons' (1981) 6(4) *Legislative Studies Quarterly* 497.

Salik M., *Model Law for Independent Parliaments: Establishing Parliamentary Service Commission for Commonwealth Legislatures* (London, CPA, 2020) 15 <[https://www.cpahq.org/media/usdnwqcp/model-law-for-independent-parliaments\\_final.pdf](https://www.cpahq.org/media/usdnwqcp/model-law-for-independent-parliaments_final.pdf)>.

Tuanku Jaafar W.J., *Evolusi Parlimen dan Evolusi Speaker Parlimen Malaysia* (Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 2013).